



08 MAY, 2026

Maybank waspada ancaman ATM

Utusan Malaysia, Malaysia



Maybank waspada ancaman ATM

Oleh **FADHILUL IZMEL ISHAK**
izmel.ishak@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Maybank perlu memastikan tiga mata kemenangan menjadi milik pasukan apabila menentang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam aksi liga hari ini demi memastikan kedudukan mereka tidak dipintas oleh pencabar terdekat, TNB ThunderStars.

Skuad kendalian Iman Gobinathan itu berada di puncak liga selepas mengumpul 13 mata, mengatasi TNB ThunderStars satu mata di tempat kedua dan situasi itu jelas memberi tekanan kepada Maybank untuk mengekalkan momentum kemenangan.

Begitu pun, Iman berkata, dia enggan terlalu memikirkan perkara tersebut sebaliknya

mengakui ATM merupakan pasukan yang perlu diperhatikan berikutan mereka dibarisi ramai pemain berpengalaman.

“Semua perlawanan penting buat pasukan. ATM antara pencabar terkuat musim ini jadi untuk bertemu pasukan seperti mereka, kami perlu tahu macam mana nak lakukan serangan balas pantas.

“Mereka ada ramai pemain

senior berpengalaman dan itu memberi kelebihan kepada lawan dalam mengekang asakan kami malah itu juga menjadi kelebihan kepada mereka untuk menjadi sebuah pasukan yang ampuh.

“Pemain senior ATM juga berkebolehan untuk mengawal pasukan mereka dengan baik jadi kami kena berwaspada dengan mereka,” katanya.

Antara pemain senior tersebut adalah Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, Mohamad Isma Jazlan Ismail, Mohamad Azrul Omar dan beberapa lagi.

Maybank akan bertemu ATM di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, hari ini sebelum pertemuan TNB ThunderStars menentang Young Elephant juga di venue yang sama.